

Peperiksaan g

Oleh NORDIN KARDI

4.11.10 21.4.07

SUDAH dua minggu Datuk Seri Najib Tun Razak menimbulkan perkara pendidikan yang menarik perhatian saya. Ada teman-teman mula mempersoalkan mengapa saya tiba-tiba berminat mengikuti perkembangan pemikiran Timbalan Perdana Menteri. Yang mana sempat bertanya terus kepada saya, saya memberitahu mereka bahawa tumpuan saya adalah kepada buah fikiran yang menarik mengenai pendidikan.

Kali ini Timbalan Perdana Menteri menyeru Kementerian Pelajaran mengkaji semula kurikulum pendidikan yang menekankan kepentingan peperiksaan awam. Semasa beberapa tahun saya menjadi guru dalam bidang kaunseling di Universiti Putra Malaysia, rakan-rakan sekerja dan bekas pelajar-pelajar tentu masih ingat saya tidak habis-habis membicarakan hal ini.

Di dalam dewan kuliah, tutorial, seminar kebangsaan dan berikan saja apa jua peluang halal, saya akan menyuarakannya pada ketika itu. Isu penting yang dipersoalkan di sini ialah, bolehkan peperiksaan awam di Malaysia melihat potensi sebenar seorang rakyatnya?

Apabila kerajaan membuat keputusan menghapuskan gred peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), sayalah antara orang pertama yang melompat kegembiraan. Betapa tidak? Saya pernah katakan, di Malaysia walaupun seseorang itu telah menerima anugerah akademik sehingga diiktiraf sebagai Tokoh Sains Negara, Sasterawan Negara atau apa lagi pun, orang awam masih cuba menyingkap apakah gred SPMnya, dan jika dahulu dia mendapat gred 3, sampai ke kubur pun orang akan kata dia bukan budak pandai! Pendidikan Malaysia sangat uni-dimensi, kata saya ketika itu. Guru-guru bekerja menghabiskan silibus bukan mendidik murid! Dengan perubahan itu saya terasa seolah-olah, walaupun mungkin bukan kerana hasil kerja saya, apa yang saya impikan bertahun-tahun itu telah membuahkan hasil. Nasib anak muda akan lebih baik!

Namun demikian, kegembiraan saya itu sangat pendek umurnya - tidak sampai setahun. Tiba-tiba, seluruh masyarakat menggila pula menggantikan gred dengan berapa bilangan A yang diperoleh calon. Ibu bapa, pengetua, guru-guru dan murid-murid pun menggila pula untuk mencapai tidak kurang daripada 5A. Murid-murid pun berlumba-lumba untuk memecahkan pelbagai rekod bilangan A terbanyak. Ini disokong pula oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, Majlis Amanah Rakyat (Mara) Petronas dan banyak lagi penaja yang memberi pelbagai insentif untuk mereka yang mendapat paling banyak A.

Terkenang saya kepada cerita lama semasa berada di Amerika Syarikat membuat master hampir 30 tahun lalu. Betapa banyaknya rakan-rakan saya lulus diploma Institut Teknologi Mara (ITM) berpeluang membuat ijazah pertama dengan berbekalkan SPM gred 3. Di manakah mereka sekarang? Anta-



PELAJAR-PELAJAR Kolej Islam Sultan Salahuddin berpeperiksaan.

ranya menjadi ketua pegawai eksekutif (CEO) syarikat-syarikat, profesor, eksekutif kanan bank dan banyak lagi. Mengapa demikian? Jawapannya ialah ketika itu biasiswa untuk lepasan diploma lebih banyak daripada biasiswa untuk lepasan ijazah.

Rakan sekelas saya semasa tingkatan enam telah memperolehi dua ijazah sarjana *double masters* kerana dia ada diploma ITM berbanding sulitnya saya mendapatkan biasiswa kerana saya lepasan Universiti Kebangsaan Malaysia yang sudah ada ijazah pertama. Yang ke universiti ketika itu perlu ada STPM yang baik tetapi tidak ke ITM. Maksud saya di sini ialah, bukan gred peperiksaan SPM penentu kejayaan anak Malaysia.

Berbalik kepada kegilaan mendapat bilangan A terbanyak dalam peperiksaan SPM, suatu trend terkini, Kementerian Pelajaran bukanlah bertanggungjawab sepenuhnya. Pencipta kegilaan ini akan termasuk penaja-penaja yang saya sebutkan tadi seperti JPA, Mara, Petronas, Bank Negara dan banyak lagi yang tidak lagi melihat lepasan-lepasan diploma berbekalkan seumpama gred 3 SPM dahulu yang ditaja dan kemudian berjaya sehingga menerajui beberapa GLC negara.

Dalam keadaan tertentu anak muda sekarang tidak salah jika mereka menuduh orang dewasa seperti saya dan rakan-rakan seangkatan saya sebagai telah mungkir janji dan mengkhianati mereka. Betapa tidak! Saya

ganti pendidikan?



Ududin Aziz Shah (KISAS) berkongsi saat-saat gembira bersama selepas menerima keputusan

pernah menyeru mereka supaya belajar sampai mati. Mereka pun menurut nasihat saya. Mereka belajar mati-matian. Jangan dapat gred 3, kata saya dan kawan-kawan saya. Mereka pun mencapai sekurang-kurangnya empat kredit dengan agregat tidak lebih daripada 34 yang mengikut ukuran dahulu ialah gred 2.

Kritis

Setelah ribuan orang mencapainya, institusi yang dahulu pernah menempatkan golongan gred 3 menaikkan syarat memasukinya dengan lima kredit. Dahulu lima kredit dengan agregat lebih 20 sudah mendapat gred 1. Bayangkan bagaimana tempat yang dahulu memberi peluang kepada lepasan SPM gred 3 tiba-tiba mengubahnya kepada gred 1. Gred 1 juga belum cukup, ditambah pula dengan bilangan A yang telah diperolehi. Nasib baik juga sistem sekolah telah melatih anak-anak muda tidak bersuara kritis seperti yang dikehendaki oleh Timbalan Perdana Menteri kerana sibuk menyediakan diri untuk peperiksaan, jika tidak, sulit juga orang dewasa hendak mengurus suara-suara mereka.

Pusat Asasi Sains Universiti Malaya angkatan awal menerima masuk calon yang gagal STPM sains tetapi bolehkah golongan ini menghampiri pusat itu sekarang? Saya jangka banyak orang tidak ingat lagi fakta yang

saya sebutkan ini. Pelajar kumpulan awal pusat ini yang pernah mengikuti *Group Dynamics* yang saya menjadi fasilitatornya (masa itu saya masih remaja) tentu tidak akan lupa fakta ini. Sayangnya Ungku Aziz, pejuang Pusat Asasi, pun tidak pernah mengingatkan para pembuat dasar pendidikan akan cerita unik ini. Ungku Aziz tentu tidak lupa pertemuan penting beliau dengan Perdana Menteri ketika menentukan nasib pusat ini di Kem Ulu Seperi suatu ketika dahulu.

Setelah mengalami dua keadaan yang saya sebutkan, SPM dahulu dan SPM sekarang, saya mula terfikir bahawa yang hendak diubah bukan kurikulum. Sebaliknya, yang hendak diubah ialah peranan SRP, SPM dan STPM. Beranikah Malaysia menghapuskan semua peperiksaan itu dan menggantikannya dengan yang lain? Bolehkah Malaysia menggantikannya dengan peperiksaan yang lebih menguji kecenderungan seperti SAT, LSAT di Amerika Syarikat? Peperiksaan sedemikian boleh diambil bila-bila masa sahaja oleh calon yang ingin ke pengajian tinggi.

Mungkin yang berminat boleh ambil semasa tingkatan empat, lima dan enam mengikut keselesaan mereka. Kemasukan ke universiti pula akan menggabungkan keputusan peperiksaan kecenderungan dengan purata timbunan (CGPA) yang diperolehi sepanjang pengajian di sekolah me-

nengah yang digred oleh guru mereka sendiri. Sekarang, murid belajar di Kuala Lumpur digredkan oleh guru di Kelantan yang tidak dikenali oleh calon. Dengan kaedah ini, integriti guru dan penghormatan terhadapnya akan dapat dikembalikan. Setiap murid tidak akan mempunyai pilihan melainkan menghampiri guru mereka. Dalam sistem sekarang mereka yang tidak hormat kepada guru semasa belajar akan tetap dihormati oleh sekolah jika mereka mendapat banyak A. Dia mengharumkan nama sekolah, kata pengetua kemudiannya.

Saya pernah mengajak rakan-rakan di Majlis Peperiksaan yang saya menjadi ahlinya dan respons yang saya perolehi ialah Malaysia belum bersedia melaksanakannya serta-merta walaupun ia sedang menuju ke arah itu. Hujah yang digunakan antaranya guru dikhuatiri tidak berintegriti dalam memberikan gred kepada palajarnya. Soalan saya ialah mengapa pensyarah di universiti diberi autoriti memberi gred kepada pelajarannya, dan autoriti yang sama tidak diberikan kepada guru sekolah? Padahal pensyarah di universiti mendapat latihan yang sangat minimum dalam aspek pengajaran dan pembelajaran berbanding dengan latihan yang telah dilalui guru sekolah. Mengapa orang awam tidak percaya kepada guru sedangkan mereka percaya kepada pensyarah pengajian tinggi? Impak lulusan pengajian tinggi lebih besar berbanding lulusan SPM dan STPM jika kedua-dua golongan ini dilatih oleh pihak yang tiada integriti?

Jika kita masih terus-terusan mahu mengikut British, sememangnya masih banyak kelulusan profesional yang berpusat di sana tidak mementingkan pembelajaran. Mereka hanya mengendalikan peperiksaan. Tentang pembelajaran pula ia dipulangkan kepada calon masing-masing. Calon ACCA, City and Guilds dan banyak lagi tidak kisah di mana dan bagaimana calon belajar. Kerja mereka adalah menyediakan soalan peperiksaan dan memberikan gred. Jika tidak lulus, ulanglah lagi.

Timbalan Perdana Menteri mengajak kita melihat semula apa yang sekarang selesai dilakukan. Sanggupkah dunia pendidikan Malaysia menyahut seruan ini? Bolehkah saya katakan bahawa selama ini orang dewasa telah menggantikan pendidikan dengan peperiksaan? Jalan mudah ialah menyalahkan Kementerian Pelajaran tetapi bagaimana tangan-tangan lain yang memberikan insentif, dorongan, motivasi, perniagaan, pendorongan, publisiti dan pelbagai lagi untuk peperiksaan? Sekali lagi saya bertanya, "Adakah peperiksaan boleh menggantikan pendidikan?"

DATUK NORDIN KARDI ialah Naib Canselor Universiti Utara 'Malaysia (UUM).